



BAB TIGA

BAB 3

METODOLOGI DAN PROSEDUR KAJIAN.

3.0 Pengenalan

Untuk mengukur kemajuan, pencapaian pelajar terhadap kefahaman pengajaran dan pembelajaran, latihan mesti dilakukan sama ada di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Ini bertujuan untuk memantapkan lagi kemahiran yang ada pada pelajar.

Dalam bidang pendidikan bahasa, kita semua mempunyai tujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran bahasa yang diperlukan oleh mereka. Objektif dan setiap soalan latihan yang diberikan kepada pelajar hendaklah berkait rapat dengan objektif dan isi pengajaran bahasa. Setiap guru bahasa mestilah mengetahui empat kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Mendengar, bertutur dan membaca merupakan kemahiran asas bahasa yang penting belaka, namun demikian kemahiran menulis juga dianggap sebagai kemahiran bahasa yang paling penting yang perlu dipelajari oleh setiap pelajar.

Pertuturan dan penulisan merupakan dua kemahiran asas bahasa yang dianggap sebagai kemahiran untuk menghasil dan menyampaikan komunikasi. Di antara kedua-dua kemahiran ini, menulis lebih sukar dari segi pengajaran dan penguasaannya. (*Abdul Aziz Abdul Talib-1996: 11*)

3.1 Reka bentuk kajian

Kajian yang dibuat ini ialah untuk mengenal pasti penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu khususnya pelajar di tingkatan Satu yang baru mempelajari bahasa tersebut. Ini juga bertujuan untuk membantu mereka dalam menguasainya melalui soalan-soalan latihan kemahiran menulis yang menarik, seterusnya dapat meningkatkan motivasi mereka terhadap bahasa tersebut. Di samping itu juga, kelemahan-kelemahan mereka akan dapat diatasi berpandukan cadangan-cadangan dan strategi-strategi yang membina ke arah kecemerlangan bahasa Arab khususnya.

Kajian ini menggunakan dua kaedah, iaitu;

1. kajian perpustakaan
2. kajian lapangan.

3.1.1 Kajian Perpustakaan

Dalam disertasi ini, penulis membuat kajian perpustakaan, terutamanya dalam bab satu, dua dan tiga. Penulis menggunakan bahan-bahan rujukan seperti buku-buku yang ditulis oleh pakar-pakar bahasa dari dalam dan luar negara, jurnal-jurnal keluaran universiti, kertas kerja ilmiah, rencana yang berkaitan dan media cetak yang lain.

Melalui kajian perpustakaan ini juga, penulis mengumpul maklumat mengenai kepentingan dan objektif kemahiran menulis, apa yang dimaksudkan dengan kemahiran menulis, peringkat-peringkat kemahiran menulis dan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis.

3.1.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan ini digunakan oleh penulis untuk melengkapkan lagi penyelidikan. Melalui kajian ini, penulis membekalkan pelajar dengan beberapa set soalan latihan kemahiran menulis. Lima puluh orang pelajar tingkatan satu dijadikan sampel dalam kajian ini. Kertas soalan tersebut dibuat dalam dua bentuk iaitu berpandukan soalan latihan kemahiran menulis yang terdapat dalam buku teks dan soalan yang digubal sendiri oleh penulis. Markah yang diperolehi oleh pelajar akan dianalisis.

Di samping itu, penulis juga membuat kajian soal selidik kepada sepuluh orang guru yang mengajar bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu di beberapa buah sekolah. Sekolah-sekolah yang dipilih ialah SMK(A) Sultan Muhammad Batu Berendam Melaka, SMK(A) Sharifah Rodziah Telok Mas Melaka, SMK Gombak Setia dan SMK Sungai Pusu, KM 11 Jalan Gombak, Selangor. Segala data dan maklumat yang diperolehi dianalisis.

3.2 Instrumen

Kajian ini akan menggunakan 4 instrumen untuk mengumpul data. Instrumen tersebut ialah ;

3.2.1 Buku teks .

Buku teks yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu. Penulis akan memfokuskan kepada soalan-soalan latihan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku tersebut.

3.2.2 Pelajar-pelajar tingkatan satu.

Penulis memilih seramai lima puluh orang pelajar tingkatan satu untuk dijadikan sampel dalam kajian ini. Mereka merupakan pelajar-pelajar yang baru menempuh peringkat peralihan dari sekolah rendah ke peringkat menengah.

Kebanyakan daripada mereka telahpun mendapat pendedahan bahasa Arab di peringkat rendah melalui kelas-kelas yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Kurikulum, sukanan pelajaran dan buku teks yang digunakan berbeza mengikut negeri masing-masing.

Apabila pelajar ini berada di peringkat menengah, mereka mendapat pendedahan bahasa Arab secara sistematis berpandukan sukanan dan buku teks yang selaras serta bersepadan seluruh Malaysia.

3.2.3 Soalan latihan

Dalam kajian ini, penulis menyediakan soalan-soalan latihan kemahiran menulis untuk diberikan kepada pelajar-pelajar tingkatan satu. Selaras dengan skop kajian dan objektif kemahiran menulis, setiap pelajar diberi dua bentuk latihan iaitu;

- i. beberapa bentuk soalan-soalan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku teks.
- ii. soalan-soalan yang digubal oleh penulis untuk membantu pelajar-pelajar dalam penguasaan bahasa Arab khususnya dalam kemahiran menulis. Diharapkan agar bentuk-bentuk soalan latihan ini akan dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab.

3.2.4 Soal selidik.

Untuk mencungkil maklumat yang berkaitan dengan tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis, penulis merangka borang soal selidik untuk diedarkan kepada 10 orang guru yang mengajar Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu.

Bentuk soalan kaji selidik yang dirangka ialah mengenai;

- i. latar belakang guru
- ii. kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (latihan kemahiran menulis)
- iii. penilaian terhadap buku teks
- iv. kemampuan pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Arab, khususnya dalam kemahiran menulis.

Penulis akan menganalisis jawapan soal selidik yang telah diberikan kepada guru. Dapatan daripada analisis ini sedikit sebanyak dapat membantu penulis dalam;

- i. mengenal pasti kemampuan dan kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab.
- ii. mengenal pasti minat pelajar terhadap latihan kemahiran menulis yang dibuat dalam pelbagai bentuk

- iii. bentuk-bentuk soalan latihan yang pernah digunakan oleh guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- iv. keberkesanan buku teks dalam membekalkan latihan kemahiran menulis.
- v. kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pernah dijalankan oleh guru-guru untuk meningkatkan kemahiran menulis di kalangan pelajar.

Di samping itu, penulis juga meminta pandangan dan cadangan daripada guru-guru untuk membantu pelajar dalam mempertingkatkan lagi tahap kemahiran menulis bahasa Arab. Cadangan dan pandangan yang membina untuk mengatasi masalah yang wujud dalam kemahiran menulis akan direalisasikan melalui proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab .

3.3 Pendekatan dan perkaedahan.

Kajian ini akan dibuat untuk melihat;

- i. Bentuk-bentuk soalan latihan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku teks dan membuat analisa tentang bilangan bagi kemahiran tersebut.

- ii. soal selidik yang diberikan kepada sepuluh orang guru bahasa Arab di dua buah sekolah di negeri Selangor dan dua buah sekolah di negeri Melaka.
- iii. dua bentuk soalan latihan yang dibuat iaitu berdasarkan latihan yang terdapat di dalam buku teks dan soalan yang dibuat khusus oleh penulis. Ini bertujuan untuk membuat perbandingan di antara jawapan-jawapan pelajar dan markah yang diperolehi dari soalan-soalan tersebut .

Daripada analisa ketiga-tiga instrumen ini, penulis akan dapat mengenal pasti sejauh mana;

- i. bentuk-bentuk soalan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku teks menepati dan bersesuaian dengan tahap pelajar tingkatan satu.
- ii. soalan-soalan tersebut dapat membantu pelajar dalam menguasai bahasa Arab.
- iii. minat pelajar terhadap latihan-latihan yang diberikan.
- iv. pelaksanaan kaedah pengajaran yang telah dijalankan oleh guru khususnya yang berkaitan dengan kemahiran menulis bahasa Arab.

3.4 Kesimpulan

Kajian-kajian yang telah dibuat oleh penulis melalui kajian perpustakaan dan lapangan adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran menulis di kalangan pelajar. Melalui instrumen yang digunakan oleh penulis, ianya dapat memantapkan lagi kajian ini.

Pengajaran bahasa amat penting dalam kontek pendidikan. Ini kerana pengajaran bahasa yang berkesan, baik dan bermutu akan mempengaruhi penguasaan dan penggunaan bahasa itu sendiri secara langsung. Begitu juga dengan peranan guru dan kaedah pengajaran yang berkesan serta buku teks, merupakan tiga eleman yang amat penting untuk menarik minat pelajar dalam menguasai satu-satu kemahiran bahasa yang diajarkan.